

Lampiran 3

SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN KEJOHANAN BALAPAN DAN PADANG ZON LANGGAR 2026

1. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-undang Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM), Peraturan-Peraturan Am, Majlis Sukan Sekolah Malaysia dan Peraturan-peraturan Pertandingan, Kejohanan Balapan Dan Padang Majlis Sukan Sekolah Kedah kecuali:

1.1.1 Beberapa acara, alat-alat lontaran dan lompatan diubahsuai mengikut kelas-kelas berkenaan.

2. ACARA-ACARA, UKURAN-UKURAN DAN BERAT PERALATAN PERTANDINGAN

Bil	ACARA	JANTINA	LELAKI		PEREMPUAN	
		KELAS	3 L	4 L	3 P	4 P
		UMUR	12 TKB	11 TKB	12 TKB	11 TKB
1	100 m	X	X	X	X	
2	200 m	X	-	X	-	
3	80 M Berpagar	X (0.762)	-	X (0.762)	-	
4	Lompat Tinggi	X	X	X	X	
5	Lompat Jauh	X	X	X	X	
6	Melontar Peluru	X 2.72 kg	X 2.72 kg	X 2.72 kg	X 2.72 kg	
7	4 x 100 m	X	-	X	-	
8	4 x 200 m	X	-	X	-	
9	1000 m	X	-	X	-	
	JUMLAH		9	4	9	4

2.1 Acara 80 meter Lari Berpagar

Bil. Pagar	Tinggi Pagar	Pagar 1 Dari Garisan	Pagar Ke	Pagar 8 Ke Garisan
8	0.762 meter	12.0 meter	8.0 meter	12.0 meter

2.2 Acara 4 x 200 meter

2.2.1 **Pelari Pertama** akan gunakan lorong sendiri dan akan bermula di garisan 1 ½ stagger – seperti pelari pertama dalam acara 4 X 400 M.

2.2.2 **Pelari Kedua** akan bersedia di garisan satu stagger yang akan disediakan.

2.2.3 **Pelari Ketiga** akan bersedia di garisan ½ stagger (seperti pelari kedua dalam acara 4 X 400 M). Selepas menerima baton daripada pelari kedua, pelari ketiga mestilah berlari di lorong masing – masing sehingga ke selekoh pertama dan kemudiannya, beliau boleh memotong masuk ke lorong pertama.

2.2.4 **Pelari Akhir** akan bersedia di tempat penerimaan baton mengikut " start list ", dan menerima baton dengan syarat dia tidak menghalang atau menolak peserta lain.

3. HADIAH

- 3.1 Acara individu - Pertama, Kedua, Ketiga.
 3.3 Acara pasukan - Lima pingat untuk pasukan yang mendapat tempat Pertama, Kedua, Ketiga.

4. KELAYAKAN

- 4.1.1 Peserta hanya dibenarkan bertanding di satu (1) peringkat umur sahaja.
 4.1.2 Bagi penyertaan B11 dan B12 lelaki dan perempuan, tiap-tiap Sekolah dibenarkan menghantar **TIDAK LEBIH** daripada dua (2) orang peserta untuk acara perseorangan dan satu (1) pasukan bagi acara berpasukan.

5. PENDAFTARAN PENYERTAAN

- 5.1 Bilangan **maksimum** penyertaan **seseorang peserta** adalah seperti berikut:

KUMPULAN UMUR	ACARA INDIVIDU	LARI BERGANTI-GANTI
(1) 12 TKB	3 acara	2 acara
(2) 11 TKB	3 acara	2 acara

- 5.2 Tiap-tiap sekolah dibenarkan menghantar dua (2) orang peserta sahaja bagi satu-satu acara terbuka.
 5.3 Seseorang peserta hanya dibenarkan bertanding dalam **SATU** kumpulan umur sahaja.

6. PENDAFTARAN PESERTA

6.1 Semua pasukan yang mengambil bahagian diwajibkan membayar yuran penyertaan sebanyak RM 250.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Sahaja) dan RM 30.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Sahaja) Sumbangan daripada Kantin . Pembayaran hendaklah dibuat kepada "SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN AWANA" secara Cek sebelum atau pada 21 hb Mei 2025.

6.2 Pendaftaran peserta hendaklah dibuat pada atau sebelum **9 JUN (SELASA)** kepada **URUSETIA PERTANDINGAN DI ALAMAT SK TAMAN AWANA. PENDAFTARAN ADALAH SECARA ONLINE**

6.3 Semua peserta hendaklah menyertakan **BORANG PENYERTAAN yang disahkan oleh Guru Besar sekolah masing-masing.**

6.4 Sebarang Pertanyaan boleh hubungi PK Kokurikulum SK Taman Awana. Cikgu Mohd Izwan bin Amli di talian 017-5803896

7. LARI BERGANTI-GANTI

- 7.1 Selepas memberi baton (change over) peserta-peserta hendaklah berada dalam lorong masing-masing sehingga pertukaran baton selesai supaya tidak mengganggu peserta lain.
 7.2 Semua peserta tidak dibenarkan membaling atau melambung baton selepas tamat sesuatu larian. Peserta/pasukan tersebut akan dibatalkan jika referi balapan mengesahkannya.
 7.3 Sebarang tanda yang dibuat bukannya dari bahan yang kekal dan boleh mengganggu peserta lain.

8. UKURAN TINGGI PERMULAAN

8.1 Ukuran tinggi permulaan bagi acara Lompat Tinggi ialah :

KELAS	LELAKI	PEREMPUAN	Penambahan Ketinggian (cm)
3L & 3P (12 TKB)	1.15 meter	1.10 meter	4,4,4,3,3,3,2,2,2
4L & 4P (11 TKB)	1.00 meter	0.90 meter	4,4,4,3,3,3,2,2,2

9. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

9.1 Johan Keseluruhan

Johan keseluruhan akan ditentukan berdasarkan jumlah pingat emas, yang diperoleh oleh peserta dari sekolah yang mengambil bahagian. Sekiranya masih sama bilangan pingat perak dan gangsa yang dicapai akan diambil kira.

11. SARINGAN / SEPARUH AKHIR / PENENTUAN KE ACARA AKHIR

11.1 Acara 100 M , 200 M , 80 M BERPAGAR

12. BANTAHAN

12.1 Bantahan hendaklah dibuat mengikut Peraturan 147 KOAM, kecuali perkara-perkara di bawah :

12.1.1 Jika masalah berkenaan kelayakan seseorang peserta tidak dapat diselesaikan sebelum pertandingan bermula, maka peserta tersebut boleh mengambil bahagian di bawah bantahan (under protest) dan perkara tersebut akan dikemukakan kepada Juri Rayuan.

12.1.2 Bantahan berhubung dengan acara-acara yang sedang dijalankan hendaklah dilakukan tidak lewat daripada :

12.1.2.1 Lima belas (15) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara pusingan awal.

12.1.2.2 Tiga puluh (30) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara peringkat akhir.

12.2 Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mesti disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak **RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus sahaja)**.

12.3 Hanya pengurus pasukan sahaja yang layak membuat bantahan.

13. NOMBOR, HURUF DAN WARNA PASUKAN

13.1 Nombor, huruf dan warna pasukan adalah seperti berikut.

Nama Sekolah

BIL	SEKOLAH	HURUF	NOMBOR
1	SK TAMAN RAKYAT	R	
2	SK TAMAN UDA	T	
3	SK JALAN DATUK KUMBAR	P	
4	SK HUTAN KAMPUNG	H	
5	SK TITI GAJAH	G	
6	SK HJ IDRIS	HT	
7	SK TAMAN AWANA	M	
8	SK ALOR SETAR	U	
9	SK BOHOR	B	
10	SK CONVENT	S	
11	SK GERIGIS	Z	
12	SK HAJI ABU BAKAR	V	
13	SK KAMPONG GELAM	E	
14	SK LANGGAR	L	
15	SK SULTANAH ASMA	A	
16	SK TUNKU RAUDZAH	W	
17	SRI ALOR SETAR	Y	
18	SJKC KEE CHEE	KC	
19	SJKC NAM KWANG	ZDN	
20	SJKC PUMPONG	F	
21	SJKC TAI CHONG	D	
22	KS INTERNATIONAL SCHOOL	KS	

13.2 Ukuran nombor ialah tinggi 10cm dan tebal 1cm. Nombor hendaklah dibuat di atas **kain putih**. Huruf hendaklah dicetak dengan **warna merah** dan nombor dicetak dengan **warna hitam**.

14. HAK-HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

21.1 Semua acara akan dijalankan mengikut tarikh dan waktu seperti yang ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pengelola dengan persetujuan Pengerusi Teknik Olahraga MSSK, berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku pindaan, semua pengurus pasukan akan diberitahu.

21.2 Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tercatat dalam Undang-undang KOAM, Peraturan-peraturan Am MSSM atau Peraturan-peraturan Pertandingan Kejohanan Olahraga MSSD 2019.

21.3 Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan atau kemalangan yang berlaku semasa pertandingan dijalankan, meskipun langkah-langkah keselamatan telah dibuat untuk mengelakkannya.

21.4 Jawatankuasa Pengelola tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan barang-barang kepunyaan peserta-peserta atau pegawai-pegawai di mana-mana sahaja semasa kejohanan ini dijalankan.

15. HAL-HAL LAIN

15.1 Selain daripada Pegawai-pegawai Teknik yang bertugas dan peserta-peserta yang mengambil bahagian tidak seorang pun dibenarkan masuk ke arena pertandingan kecuali dengan kebenaran Pengurus Kejohanan.

PENAMBAHAN UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

KAEDAH PENGIRAAN BAGI ACARA LOMPATAN (LOMPAT JAUH) DAN LONTARAN (LONTAR PELURU)

1. JUMLAH LOMPATAN BAGI LOMPAT JAUH DAN LONTARAN BAGI LONTAR PELURU ADALAH SEBANYAK **6 KALI PERCUBAAN**.
2. **SEMUA PESERTA BERDAFTAR PERLU MELAKUKAN LOMPATAN DAN LONTARAN BAGI PERCUBAAN KALI PERTAMA.**
3. **JARAK KELAPAN TERBAIK** PADA LOMPATAN DAN LONTARAN PERTAMA AKAN DI AMBIL KIRA SEBAGAI **JARAK HAD KELAYAKAN UNTUK PENGUKURAN** BAGI PERCUBAAN KEDUA DAN KETIGA. INI BERMaksud:
 - i. **PESERTA YANG TIDAK MELEPASI HAD KELAYAKAN YANG DITETAPKAN, JARAK LOMPATAN DAN LONTARAN PADA PERCUBAAN KEDUA DAN KETIGA TIDAK AKAN DIUKUR.**
 - ii. **JARAK LOMPATAN DAN LONTARAN AKAN DIUKUR SEKIRANYA PESERTA MELEPASI HAD KELAYAKAN YANG DITETAPKAN.**
4. **8 PESERTA TERBAIK AKAN MENERUSKAN LOMPATAN ATAU LONTARAN BAGI PERCUBAAN KE EMPAT, KE LIMA DAN KE ENAM.** PEMILIHAN 8 PESERTA TERBAIK INI BERDASARKAN LOMPATAN TERBAIK BAGI MANA-MANA PERCUBAAN PERTAMA ATAU KE DUA ATAU KE TIGA.
5. 8 PESERTA TERBAIK INI AKAN MENERUSKAN LOMPATAN BAGI PERCUBAAN KE-4. KE-5 DAN KE-6.
6. **PENENTUAN BAGI PEMENANG PERTAMA, KEDUA DAN KETIGA AKAN MENGAMBIL KIRA KESELURUHAN PERCUBAAN LOMPATAN DAN LONTARAN IAITU PERCUBAAN PERTAMA, KE-2, KE-3, KE-4, KE-5 DAN KE-6.**

ACARA BALAPAN

1. PESERTA YANG KELUAR LEBIH AWAL SEBELUM TEMBAKAN PISTOL PELEPAS BERBUNYI AKAN DIBERI PELUANG HANYA SEBANYAK 2 KALI SAHAJA. KESALAHAN BAGI KALI KE-3 AKAN DIBATALKAN PENYERTAAN.
2. SETIAP PESERTA DIBERI PILIHAN UNTUK MENGGUNAKAN STATING BLOK ATAU TIDAK MENGGUNAKANNYA.
3. PESERTA JUGA DIBERI PILIHAN UNTUK MEMAKAI KASUT (SPIKE SHOES) ATAU TIDAK MEMAKAINYA KETIKA BERLARI.
4. **BAGI ACARA BERPASUKAN IAITU 4X100m, SETIAP PESERTA DI DALAM PASUKAN MASING-MASING PERLU MEMAKAI SPIKE SHOES BAGI TUJUAN KESELAMATAN.**

PENAMBAHAN DAN PENAMBAHBAIKAN UNDANG-UNDANG INI ADALAH HASIL PERBINCANGAN PENERUSI PENGELOLA, PENERUSI KEPEGAWAIAN DAN PENERUSI MGB ZON LANGGAR

